



## Adakah rakyat Singapura sudah bersedia secara kewangan untuk pesaraan?

Matlamat utama Pusat Penyelidikan Ekonomi Penuaan (CREA) adalah untuk mengendalikan satu kajian jangka panjang tentang penuaan di Singapura, dengan rujukan khusus kepada kecukupan persaraan dan faktor-faktor penyumbangannya, seperti perumahan, Tabung Simpanan Pekerja (CPF), kesihatan dan perbelanjaan penjagaan kesihatan, dan penyertaan dalam tenaga kerja. Tumpuan ini membezakan CREA dan Panel Kehidupan Singapura® (SLP) dari penyelidikan tinjauan lain yang dikendalikan di Singapura mengenai isu-isu berkaitan penuaan seperti kesejahteraan sosial, perubatan geriatrik (penjagaan kesihatan warga emas), gerontologi (aspek-aspek penuaan dari segi sosial, psikologikal, kognitif dan biologi) dan daya pengambilan bekerja para pekerja lebih tua.

Tinjauan-tinjauan SLP telah dikendalikan secara bulanan sejak Ogos 2015. Terdapat dua kelebihan penting untuk kekerapan secara bulanan ini. Satu adalah ia menjadikannya lebih mudah untuk mengingati secara tepat maklumat yang diminta apabila masa yang singkat

telah berlalu. Selain itu, kami dapat mengenalpasti bagaimana tingkah laku seseorang itu berubah (terutamanya corak perbelanjaan mereka) apabila mereka menghadapi perubahan keadaan (contohnya, berkaitan kesihatan atau mungkin pekerjaan atau suatu dasar pemerintah yang baru).

## Pertanyaan Lazim

Komen dan maklum balas anda amat bernilai bagi kami dan kami akan melakukan yang terbaik untuk menjawab semua soalan-soalan anda. Dalam surat berita kami, kami berkongsi beberapa pertanyaan yang paling kerap ditanya oleh para peserta kami.

### Mengapakah tinjauan pada bulan Januari lebih panjang berbanding dengan tinjauan lain yang telah saya lengkapkan?

Salah satu matlamat utama kajian penyelidikan kami ini adalah untuk mengetahui sejauh mana isi rumah Singapura bersedia dari segi kewangan untuk persaraan mereka. Itulah sebabnya kami menyertakan satu modul khas dalam tinjauan bulan Januari untuk mendapatkan inventori aset isi rumah, dan itulah sebab utama mengapa tinjauan tersebut lebih panjang berbanding dengan bulan-bulan yang lain. Modul ini lebih terperinci kerana dua sebab. Pertama, ia sukar untuk kebanyakan orang untuk menganggarkan nilai keseluruhan aset mereka. Menyemak setiap komponen membantu untuk mencapai maklumat yang lebih tepat. Kedua, komposisi aset isi rumah adalah penting untuk kajian kami. Contohnya, kami perlu mengetahui sekiranya simpanan CPF yang tidak mencukupi, sama ada anda mempunyai aset cair yang lain untuk membiayai keperluan harian anda, atau sekiranya isi rumah menjalankan sebuah perniagaan kecil untuk menyara hidup, dan sebagainya.

### Mengapakah sesetengah soalan tinjauan lebih kerap diulang berbanding yang lain?

Tinjauan bulanan SLP kerapnya menyertakan satu set soalan teras mengenai kesihatan, komposisi isi rumah, status perkahwinan, pekerjaan, pendapatan dan perbelanjaan. Soalan-soalan mengenai penggunaan (konsumsi) ditanya dalam setiap tinjauan kerana jumlah yang dibelanjakan oleh isi rumah, dan apa yang mereka belanjakan, boleh menunjukkan perbezaan dari bulan ke bulan bergantung kepada kejadian yang mungkin telah berlaku, seperti pengangguran, didiagnos

dengan masalah kesihatan, atau kehilangan insurans kesihatan (atau pada aspek positif pula: mendapat pekerjaan baru, mendapatkan insurans kesihatan, dsb.). Memahami bagaimana mereka menangani / tindak balas mereka kepada kejadian sebegini menurut keadaan mereka masing-masing akan membolehkan kami untuk menentukan kesan dari perubahan sedemikian pada masa akan datang dan bagaimana dasar-dasar boleh memperbaiki hasil kesudahannya. Soalan-soalan mengenai aset, liabiliti, perumahan dan jangkakan -- seperti yang terdapat di dalam tinjauan edisi Januari -- ditanya hanya setahun sekali kerana ia tidak kerap bertukar dari bulan ke bulan. Atas sebab-sebab yang sama, soalan-soalan lain seperti perlindungan MediShield, kognisi, kesihatan yang dinilai sendiri atau pegangan stok pula ditanya secara suku tahunan..

## Petikan Analisis Data

Berikut adalah perangkaan yang menarik berdasarkan jawapan tinjauan sejauh ini:

### 1 dalam 10

Jumlah responden yang berusia antara 50 dan 59 tahun yang menilai kesediaan kewangan untuk usia tua mereka sebagai "cemerlang" atau "sangat baik"



### 2 dalam 3

Jumlah responden yang berusia antara 50 dan 59 tahun yang menilai kesediaan kewangan untuk usia tua mereka sebagai "berpatutan" atau "kurang baik"

### 3x

Berapa kali lebih kerap para responden yang berkesihatan lemah menilai kesediaan kewangan untuk usia tua mereka sebagai "berpatutan" atau "kurang baik" berbanding dengan mereka yang mempunyai kesihatan yang baik



### 69%

Peratusan responden yang melaporkan diri mereka sebagai berpuashati secara keseluruhan dengan kehidupan mereka. Bagaimanapun, jumlah ini jatuh sebanyak setengah sekiranya responden itu melaporkan mempunyai kesihatan yang kurang baik

### 20%

Peratusan responden yang melaporkan bahawa mereka memberikan lebih daripada \$500 setiap bulan untuk menanggung individu lain yang tinggal di luar isi rumah mereka. Analisis awal menunjukkan kaitan yang kuat di antara bayaran ini dan kenyataan sama ada responden mempunyai ibu bapa yang masih hidup.



### 1 dalam 3

Jumlah responden yang melawat doktor dalam mana-mana bulan yang diberi. Daripada itu, dua pertiga membuat lawatan

berulang pada bulan berikutnya. Tambahan pula, mereka yang berpenyakit kronik mempunyai kemungkinan sebanyak dua kali ganda lebih tinggi untuk membuat lawatan berjumpa doktor.

### 26%

Kemungkinan subjektif purata yang responden letakkan pada berpindah ke rumah penjagaan pada masa akan datang. Juga, bagi responden yang mempunyai bilangan anak yang sedikit, kemungkinan yang dijangkakan untuk mereka memasuki rumah penjagaan adalah lebih tinggi.

## Kerahsiaan dan Privasi Anda

Kami menangani maklumat yang anda berikan kepada kami sebagai rahsia yang paling sulit dan dalam pematuhan penuh dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2012 (PDPA), di bawah perundangan Suruhanjaya Perlindungan Data Peribadi Singapura. Penghantaran data di antara pelayan dan pelayar web kami dilaksanakan dengan menggunakan protokol-protokol keselamatan yang amat tinggi dan sijil SSL dipasang di domain kami. Data peribadi dan jawapan tinjauan anda akan disimpan di dalam pelayan yang berlainan. Ini bermakna data yang anda berikan tidak akan dapat dikesan kembali kepada anda. Penyelidikan hanya akan dijalankan pada data-data tanpa butir pengenalan dan hanya digunakan untuk tujuan penyelidikan sahaja dan ia hanya tersedia dalam bentuk ringkasan dan hanya kepada para penyelidik yang telah diluluskan oleh pihak SMU. Keputusan atau hasil yang dikumpul hanya akan dilaporkan sebagai statistik dan kami tidak akan pernah menyampaikan butiran anda kepada organisasi lain untuk tujuan komersial.

# Tarikh untuk Tinjauan Akan Datang

- **Tinjauan Jun:** 1-19 Jun, 2016
- **Tinjauan Julai:** 1-24 Julai, 2016
- **Tinjauan Ogos:** 1-21 Ogos, 2016

Jika anda memerlukan sebarang bantuan untuk melengkapkan tinjauan, kami amat gembira untuk berjumpa anda di perpustakaan awam atau kelab masyarakat untuk membantu anda melengkapkan tinjauan dengan menggunakan tablet. Sesi-sesi ini biasanya akan diadakan pada minggu terakhir setiap gelombang tinjauan.



## Hubungi Kami

Jika anda telah bertukar alamat atau nombor telefon, jika anda memerlukan sebarang bentuk bantuan bagi melengkapkan tinjauan, atau jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi kami di Pusat Panggilan Hotline kami di talian **6808 7910** (9pg - 5ptg, Isnin hingga Jumaat) atau hantarkan emel kepada [slp@smu.edu.sg](mailto:slp@smu.edu.sg). Kami sentiasa gembira untuk mendengar dari anda.